# SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL


## Keuntungan dana insurans dan takaful kembali pulih berikutan prestasi pelaburan yang lebih baik

Pada separuh kedua tahun 2022, keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful bertambah baik berbanding awal tahun disebabkan oleh pulangan pelaburan yang lebih baik. Dana insurans hayat dan takaful keluarga mencatatkan keuntungan tidak direalisasi bersih yang lebih tinggi daripada pelaburan apabila kadar hasil bon jatuh dan pasaran ekuiti bertambah baik, terutamanya menjelang akhir tahun 2022, lantas menyebabkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan menjadi positif (Rajah 2.21). Walau bagaimanapun, pada keseluruhan tahun, keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga kekal di bawah paras sebelum pandemik, sekali gus mencerminkan keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu terutamanya pada separuh pertama tahun 2022.

Prestasi pengunderaitan terjejas teruk oleh kenaikan bayaran perubatan (ST2 2022: RM4.3 bilion; ST1 2022: RM3.5 bilion; purata setengah tahun 2020-2021: RM2.9 bilion). Keadaan ini didorong terutamanya oleh peningkatan tuntutan berkaitan prosedur perubatan yang perlu dan elektif yang telah ditangguhkan semasa pandemik, serta inflasi perubatan. Pembayaran perubatan pada masa depan dijangka terus meningkat sejajar dengan kos rawatan perubatan dan normalisasi pola tuntutan kepada trend jangka panjang. Kesan inflasi perubatan terhadap syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO) dijangka terurus kerana premium dan sumbangan bagi produk perubatan dikaji semula secara berkala untuk mengambil kira pengalaman tuntutan yang baharu, sekali gus memastikan harga perlindungan insurans dan takaful adalah setimpal dengan kos menyediakan perlindungan[7] tersebut. Walau bagaimanapun, usaha berterusan untuk menangani inflasi perubatan oleh pelbagai pihak berkepentingan kekal penting bagi memastikan akses kepada perlindungan insurans dan takaful perubatan yang mampu dibayar. Usaha ini termasuk langkah-langkah untuk menggalakkan peningkatan ketelusan kos, menyokong peningkatan pengawasan terhadap kos rawatan perubatan, serta menambah baik reka bentuk produk dan pilihan pembayaran yang dapat memenuhi keperluan pengguna dengan lebih baik serta menggalakkan tingkah laku yang bertanggungjawab.

Kemerosotan pendapatan pengunderaitan juga disebabkan oleh premium perniagaan baharu yang semakin merosot. Keadaan ini selaras dengan trend bermusim umum (Rajah 2.22) kecuali produk Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang


**Rajah 2.21: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan**




Nota: 1. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.
2. Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 2.22: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk**





Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Rujuk Rencana bertajuk 'Menilai Kesan Penangguhan bagi Penetapan Semula Harga Perubatan terhadap Penanggung Insurans Hayat dan Pengendali Takaful Keluarga' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2021 Bank Negara Malaysia untuk butiran lanjut.

yang terus menunjukkan trend menaik berikutan peningkatan aktiviti pasaran harta tanah. Premium perniagaan baharu yang berkaitan dengan pelaburan juga meningkat sebanyak 12.5% pada separuh kedua tahun 2022 (purata ST2 2015-2019: 17.4%), mencerminkan peningkatan kempen yang dilancarkan oleh ITO pada separuh akhir tahun 2022 bagi mencapai sasaran jualan akhir tahun.

Bagi dana insurans dan takaful am, keuntungan operasi pada separuh kedua tahun 2022 bertambah mantap (Rajah 2.23), didorong oleh prestasi pengunderaitan dan pelaburan yang lebih kukuh. Keuntungan pengunderaitan yang lebih tinggi mencerminkan ketiadaan tuntutan besar yang dicatatkan pada separuh pertama tahun 2022 susulan banjir teruk pada akhir tahun 2021. Sementara itu, premium langsung kasar terus disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam premium motor berikutan peningkatan kenderaan yang dikeluarkan untuk memenuhi tempahan yang dibuat semasa tempoh pengecualian cukai jualan.[8] Segmen kebakaran juga mencatatkan penurunan premium yang lebih kecil pada separuh kedua tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 berikutan pemulihan dalam aktiviti pasaran harta tanah (Rajah 2.24). Berikutan sumbangan yang besar oleh kedua-dua perniagaan utama ini kepada prestasi pengunderaitan, liberalisasi tarif insurans berkenaan yang sedang dilaksanakan secara beransur-ansur akan memberikan kesan yang penting kepada prestasi masa hadapan.


**Rajah 2.23: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi**




Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran insurans semula, pembaharuan baru-baru ini menunjukkan tanda-tanda pasaran insurans semula yang semakin sukar. ITO melaporkan peningkatan kadar insurans semula bagi pembaharuan perlindungan, kos pengembalian semula yang lebih tinggi bagi perlindungan insurans semula apabila had dipenuhi, serta ambang boleh tolak yang lebih tinggi yang dikenakan bagi tuntutan, terutamanya untuk perjanjian terhadap kerugian yang berlebihan.[9] Klausa yang lebih berat, seperti klausa penyertaan kerugian yang memerlukan ITO menyumbang kepada sebahagian daripada kerugian yang diinsuranskan juga telah diperkenalkan. Selain itu, komisen serahan yang dibayar kepada ITO menunjukkan trend yang sedang menurun. Keadaan pasaran insurans semula yang sukar telah didorong terutamanya oleh kerugian besar akibat bencana alam semula jadi dalam tahun-tahun kebelakangan ini yang menyebabkan kapasiti global yang berkurang. ITO menjangkakan kitaran pasaran yang sukar akan berterusan dalam tempoh terdekat. Meskipun keadaan ini boleh memberikan tekanan menaik kepada kadar premium langsung, dan khususnya menjejaskan kos-kos yang ditanggung oleh perniagaan bagi insurans komersial, langkah-langkah yang diambil oleh ITO untuk mengoptimumkan program insurans semula mereka akan membantu untuk menyederhanakan kesan ke atas kos perniagaan. Sebarang kesan terus dikurangkan oleh sumbangan kos insurans

**Rajah 2.24: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk**




Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Tarikh akhir pendaftaran dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dilanjutkan hingga 31 Mac 2023, bagi pembeli yang menempah kereta mereka sebelum atau pada 30 Jun 2022 di bawah tempoh pengecualian cukai jualan.

[9] Merujuk jenis kontrak insurans semula/sijil takaful semula yang melindungi ITO daripada kerugian besar atau bencana, jika ITO semula bersetuju untuk menampung sebahagian daripada kerugian yang melebihi nilai ambang tertentu.

yang secara relatif rendah kepada jumlah kos perniagaan. Bank terus memantau kesan daripada perkembangan ini kepada premium pengguna akhir dan kecukupan pengaturan insurans semula yang dilaksanakan oleh ITO untuk memberikan perlindungan terhadap persekitaran tuntutan yang tidak menentu.

Setakat ini, kebanyakan (80%) ITO telah memasuki fasa liberalisasi tarif motor dan kebakaran[10] yang seterusnya, setelah memenuhi syarat kehematan dan amalan pasaran yang diperlukan, serta memberikan komitmen kepada rancangan untuk mendigitalkan proses tuntutan motor mereka. ITO telah dilihat menggunakan fleksibiliti penetapan harga yang disediakan oleh liberalisasi untuk mengenal pasti risiko dasar dalam pelbagai segmen produk dengan lebih baik dan meningkatkan penawaran produk dengan ciri reka bentuk baharu yang lebih inovatif untuk mengekalkan kemampuan dalam keadaan persaingan yang semakin meningkat (contohnya, produk *pay as you drive*). Berikutan penyambungan semula aktiviti perjalanan dan tuntutan motor yang kembali pada paras wajar, kadar premium motor yang diturunkan sebelum ini semasa pelaksanaan perintah kawalan pergerakan juga telah mula menjadi normal selaras dengan pengalaman tuntutan. Secara keseluruhan, perkembangan ini mempunyai kesan yang agak sederhana, dengan kadar motor kekal dalam lingkungan +/- 15% daripada kadar tarif sebelumnya, manakala kadar tarif kebakaran telah dikurangkan sebanyak 15% untuk segmen yang lebih menguntungkan dengan fleksibiliti yang lebih besar diberikan untuk padanan dengan risiko dasar. Pelarasan kepada kadar premium dan sumbangan juga terus dilakukan secara beransur-ansur.

Pasa masa hadapan, ITO akan terus terdedah kepada volatiliti pasaran kewangan yang ketara memandangkan pelaburan bon dan ekuiti mereka yang besar. Pembalikan (*reversion*) menaik tuntutan perubatan kepada trend jangka panjangnya juga akan memberikan sedikit kesan kepada keuntungan pada tahun 2023, apabila pergerakan terus kembali normal. Dalam jangka panjang, kesan varian COVID-19 kepada pertumbuhan premium dan keuntungan masih belum boleh dilihat kerana kesedaran yang lebih tinggi boleh menyebabkan peningkatan permintaan bagi insurans serta tuntutan yang berkaitan. Liberalisasi tarif motor dan kebakaran secara berperingkat yang berterusan boleh menjejaskan prestasi sesetengah ITO am dalam jangka pendek memandangkan persaingan yang lebih tinggi untuk bahagian pasaran. Walau bagaimanapun, dalam jangka panjang, pelarasan premium yang sepadan dengan risiko bagi segmen individu akan menyokong penentuan harga berasaskan risiko selaras dengan model perniagaan yang lebih mampan dan selaras dengan usaha menggalakkan pemanduan berhemah. Perkara ini amat perlu untuk memelihara penyediaan perlindungan yang berterusan oleh sektor swasta. Bank akan terus memantau perkembangan dalam pelarasan kadar untuk memastikan sebarang pelarasan (naik atau turun) tidak mewujudkan gangguan pasaran yang boleh menjejaskan akses kepada perlindungan atau memberi kesan ketidakseimbangan kepada segmen populasi yang diinsuranskan. Selain itu, trend meningkat dalam magnitud tuntutan berkaitan dengan banjir[11] menunjukkan kelemahan keuntungan keseluruhan ITO kepada risiko berkaitan iklim. Permintaan untuk perlindungan insurans dijangka meningkat pada masa akan datang apabila peristiwa berkaitan iklim terus menjadi nyata. Oleh itu, pendekatan yang lebih mantap dalam pengurusan risiko berkaitan iklim akan menjadi sangat penting, seiring dengan pengaturan modal dan insurans semula yang kukuh untuk memastikan ITO dilindungi secukupnya daripada potensi risiko pertumbuhan menjadi perlahan.

Perkembangan penting yang lain dalam industri ialah penguatkuasaan Kontrak Insurans Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 17 (Malaysian Financial Reporting Standard, MFRS) pada 1 Januari 2023.[12] Secara umumnya, standard perakaunan baharu ini tidak menjejaskan kontrak insurans/takaful jangka pendek dengan ketara kerana kesan daripada model pengukuran baharu adalah sama seperti model pengukuran yang digunakan dalam MFRS 4. Walau bagaimanapun, untuk kontrak insurans atau takaful jangka panjang, penggunaan olahan perakaunan yang lebih

[10] Fleksibiliti penetapan harga yang lebih besar bagi produk motor dan kebakaran akan diberikan kepada ITO yang memenuhi kehendak dan keperluan Bank mengenai pembaharuan ekosistem tuntutan motor.

[11] Jumlah kerugian akibat kejadian banjir pada tahun 2021 berjumlah RM2.2 bilion, iaitu kira-kira tujuh kali lebih tinggi daripada kerugian terbesar yang dicatatkan pada dekad yang lalu (2017: RM 323.4 juta).


[12] Kontrak Insurans MFRS 17 mengandungi olahan perakaunan yang lebih komprehensif bagi kontrak insurans dan takaful dan akan menggantikan Kontrak Insurans MFRS 4. Penggunaan MFRS 17 dijangka menyediakan maklumat yang lebih relevan mengenai kesan kontrak insurans terhadap kedudukan dan prestasi kewangan entiti.

konsisten di bawah MFRS 17 bersama-sama dengan pengiktirafan pendapatan belum diperoleh yang jelas melalui "margin perkhidmatan kontrak" boleh mempengaruhi dengan ketara ukuran dan paparan kontrak insurans dalam penyata kewangan oleh ITO hayat dan keluarga. Namun demikian, berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank, semua responden ITO menjangkakan kedudukan ekuiti pemegang saham akan kekal positif di bawah piawaian perakaunan baharu. Namun begitu, tahap sejauh mana keputusan dan operasi kewangan menjadi terjejas mungkin berbeza merentas syarikat, bergantung pada campuran perniagaan mereka, dan andaian serta kaedah yang digunakan untuk menilai liabiliti di bawah pendekatan pengukuran baharu.[13] Sebagai contoh, beberapa ITO hayat dan keluarga dijangka akan melaporkan ekuiti pemegang saham yang lebih tinggi di bawah standard baharu kerana kesan pewujudan item liabiliti baharu diimbangi oleh perubahan lain dari segi andaian dan metodologi.

Pelaksanaan MFRS 17 juga tidak akan menjejaskan keperluan modal pengawalseliaan secara nyata[14] kerana Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital Framework, RBCF) Bank, termasuk asas penilaian liabiliti insurans dan takaful, masih kekal berkuat kuasa bagi ITO. Asas penilaian pengukuran semasa Bank bagi menilai liabiliti insurans dan takaful di bawah RBCF adalah berbeza daripada MFRS 17, tetapi masih sesuai dan berhemat. Pengukuran Bank memerlukan peruntukan risiko bagi sisihan yang ketara oleh ITO, menggunakan kadar bebas risiko (*risk-free rates*) untuk mendiskaunkan aliran tunai yang dijamin, serta menerapkan metodologi penilaian berhemat.[15] Walau bagaimanapun, Bank sedang menjalankan semakan terhadap RBCF sedia ada dengan mengambil kira perkembangan pasaran dan teknikal semenjak RBCF pertama kali diperkenalkan pada tahun 2009 (untuk penanggung insurans) dan tahun 2012 (untuk pengendali takaful). Berdasarkan perubahan keperluan pelaporan kewangan serta semakan semula RBCF yang sedang dijalankan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) juga sedang mempertimbangkan kaedah untuk mempermudah Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan pengendali takaful untuk mencerminkan perubahan ini.[16]

Sektor insurans dan takaful pada masa hadapan dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh. Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat industri sebanyak 226% kekal jauh melebihi keperluan minimum pengawalseliaan sebanyak 130% (Rajah 2.25). Penampan modal melebihi keperluan pengawalseliaan berjumlah RM37.5 bilion. Ujian tekanan makro yang dijalankan oleh Bank juga mengesahkan bahawa di bawah senario buruk, kebanyakan penanggung insurans akan kekal berdaya tahan dengan penampan modal yang mencukupi (rujuk bahagian mengenai 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk maklumat lanjut).

**Rajah 2.25: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal**




Sumber: Bank Negara Malaysia

[13] MFRS 17 memperkenalkan model pengukuran yang digunakan untuk semua kontrak insurans, yang terdiri daripada aliran tunai pemenuhan (nilai semasa terdiskaun aliran tunai diselaraskan untuk risiko bukan kewangan) dan margin perkhidmatan kontrak (keuntungan yang belum diperolehi daripada kontrak).

[14] Kecuali bagi kesan marginal daripada pengkelasan semula aset kewangan.

[15] Contohnya, penubuhan rizab sterling untuk liabiliti bukan unit perniagaan berkaitan pelaburan.

[16] Sila rujuk Kertas Perundingan PIDM tentang cadangan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza (https://www.pidm.gov.my/pidm2022/media/downloads/2023/CP/Consultation-Paper-on-DLS-Frameworks.pdf).